

13 SEP 1998

Isa-Anwar

ANGGOTA UMNO JANGAN JADI SEPERTI WATAK FILEM PANCA DELIMA

SEREMBAN, 13 Sept (Bernama) -- Anggota Umno disaran supaya jangan jadi seperti watak filem "Panca Delima" yang mana pelakon utamanya mempunyai dua peribadi yang berbeza dalam sehari, kata Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad.

Menurut beliau, dalam filem itu pelakon utamanya mempunyai dua peribadi mengikut waktu iaitu sebagai manusia pada waktu malam dan sebagai ular pada siang.

Oleh itu anggota dan pemimpin UMNO perlu memilih sama ada bersama UMNO atau menyokong mereka yang telah dipecat daripada kerajaan dan UMNO, katanya kepada pemberita selepas majlis dialog dan ramah mesra Rukun Tetangga (RT) Negeri Sembilan di Wisma Negeri di sini, hari ini.

Antara pemimpin yang perlu membuat pilihan itu ialah Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Roslan Kassim, kata beliau ketika diminta mengulas mengenai beberapa pemimpin UMNO yang bersama bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kempen refomasinya.

Beliau yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan berkata, mereka yang kini bersama Anwar perlu menjelaskan pendirian masing-masing kerana orang yang mereka sokong itu kini bukan lagi anggota UMNO.

Mereka perlu mengisytiharkan sama ada untuk terus bersama UMNO atau tidak dan jangan pula memegang dua watak dalam Umno.

Isa juga membidas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menggunakan helah agar Majlis Tertinggi (MT) UMNO memecatnya dalam meraih simpati orang ramai.

Menurut beliau, taktik menagih simpati itu tidak akan berjaya kerana anggota UMNO telah matang dengan helah anggota politik dan tahu memilih mana yang benar.

Seterusnya beliau membidas Anwar yang telah membuat pelbagai tuduhan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti yang disiarkan oleh media asing.

Dakwaan yang dibuat oleh Anwar tidak benar malah beliau melancarkan gerakan refomasi kerana kecewa dengan tindakan melucutan beliau daripada kerajaan dan parti.

Sebagai seorang yang dikenali dengan imej Islam beliau sepatutnya lebih tawaduk, merendah diri dalam menghadapi tindakan kerajaan dan parti.

Bercakap pada majlis dialog RT, Isa memberi penjelasan dengan panjang lebar akan isu perlucutan Timbalan Perdana Menteri dan pendirian kerajaan adalah teguh dan tidak akan bertolak ansur akan salah laku, moral yang dilakukan oleh pemimpin UMNO.

Seramai 350 jawatankuasa Rukun Tetangga (RT) negeri ini hadir pada majlis dialog dan ramah masra ini.

-- BERNAMA

AS PR